



■ MOHD SANI MURNI

SILAT

Jurulatih puas hati

Oleh **RAHIME YUSOF**

KETUA jurulatih silat kebangsaan, Mohd Sani Murni berpuas hati dengan pencapaian stamina 30 pesilat yang menjalani latihan pusat untuk Kejua-raan Silat Sedunia pada 2-9 Disember ini.

Katanya, sejak latihan bermula Rabu lalu, hampir kesemua pesilat sudah mencapai tahap stamina melebihi 75 peratus.

Manakala / 1987
15 NOV 1987

Fizikal

"Setakat ini kami lebih menumpukan perhatian kepada latihan meningkatkan keupayaan fizikal dan belum lagi memberi perhatian kepada teknik, taktik dan gerak permainan secara berlawanan," katanya.

Beliau memberitahu, latihan berlari dijalankan di Taman Tasek dan Kompleks Sulan Kampung Pandan.

"Saya bangga dengan semangat gih yang ditunjukkan oleh semua pesilat lelaki dan perempuan yang berlatih tanpa mengira penat lelah,"

jelasnya.

Mohd Sani dibantu oleh dua Johari Ibrahim dan Yusof Darus bagi membentuk dua pasukan — A dan B.

Katanya, penumpuan kepada latihan teknik, taktik dan gerak permainan secara berlawanan akan dijalankan esok selepas mereka benar-benar cer-gas.

B. Minggu (M)

Masalah

"Saya tidak menghadapi masalah membimbing mereka kerana sebahagian besar pernah mewakili negara dan pernah menjalani latihan secara persendirian sebelum menyertai latihan pusat ini," tambahnya.

Mohd Sani yang sebelum ini menghadapi masalah cuti untuk melatih pesilat-pesilat itu berkata, beliau akan menumpukan latihan kepada cara pukulan padu dan tepat ke sasaran lawan dalam latihan selepas ini.

"Ini penting kerana mereka nanti akan berhadapan dengan lawan daripada Eropah yang lebih besar dan te-gap."